

Keindahan pelaksanaan hudud sepanjang zaman

BERITA HARIAN 3 APR 2015 (RENCANA) M/S 31

Keharmonian hukum syariah jamin hak Muslim, bukan Islam jadi keutamaan

Di antara keunikan Islam ialah ia menawarkan cara hidup yang lengkap dalam kehidupan manusia, termasuklah berkaitan dengan undang-undang jenayah. Sistem kepercayaan Islam menuntut penganutnya untuk mempercayai setiap yang terkandung di dalam al-Quran dan hadis, termasuklah undang-undang jenayah, serta berusaha untuk melaksanakannya di dalam negara umat Islam. Ini dinyatakan dengan jelas secara konsensus oleh semua sarjana Muslim tanpa terkecuali (al-Zuhaili, Fiqh al-Islam wa Adillatuhu, 6/427).


Sejak Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob membentangkan Pindaan Enakmen Jenayah Syariah II (1993) 2015 pada 18 Mac yang lalu, perbincangan mengenainya menjadi perbualan ramai pihak. Ramai yang menimbulkan kebingungan sama ada dari sudut keabsahannya berbanding nas syarak, kemampuan pelaksanaan serta kesesuaian masa dan persekitaran.

Kebimbangan pelaksanaan

Antara keseimbangan yang dilontarkan ialah kebarangkalian pelaksanaannya membawa kepada ketidakadilan di dalam sistem undang-undang, khususnya apabila membabitkan hukuman ke atas pesalah Muslim dan bukan Muslim. Di dalam membahaskan persoalan hukuman hudud ke atas bukan Muslim sebagai contohnya, Ibnu Qudamah di dalam kitab al-Mughniy (rujukan utama Mazhab Hanbali) menyatakan bahawa pendakwaan membabitkan Muslim dengan 'non-Muslim dhimmiy', perlu dijalankan mengikut undang-undang Islam. Akan tetapi sekiranya membabitkan perbicaraan sesama bukan Muslim, maka mereka perlu diberikan pilihan untuk diadili menurut cara mereka sendiri.

Ini berasaskan kepada firman Allah bermaksud, "kalau mereka (bukan Muslim) datang kepadamu, maka hukumlah di antara mereka (dengan apa yang telah diterangkan oleh Allah), atau berpalinglah dari mereka" (al-Quran, 5:42).

Sarjana Muslim juga bersepakat menyatakan bahawa undang-undang hudud hanya dilaksana kepada kelompok manusia yang bersifat mukallaf sahaja. Menurut Abu Hanifah, undang-undang hudud hanya dilaksana kepada bukan Muslim



Ahmad ketika membentangkan pindaan Enakmen Kanun Syariah Jenayah II 1993 (2015) pada Persidangan Dewan Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Ke-13 bagi tahun 2015 baru-baru ini.

(FOTO SYAMSI SUHAIMI /BH)

berstatus 'dhimmiy' (definisi tradisional: bukan muslim yang menjadi warga kepada negara Islam), dan tidak kepada bukan Muslim berstatus al-musta'min (definisi tradisional: bukan Muslim yang hanya memasuki negara Islam secara sah seperti dengan visa dan kebenaran pemerintah, lalu diberikan hak dan perlindungan oleh pemimpin Islam). Pengecualian diberikan kepada jenayah qazaf (menuduh seseorang berzina tanpa keterangan saksi), maka ianya dilaksanakan ke atas bukan Muslim al-Musta'min, dan pendapat ini disepakati oleh semua mazhab utama. Jenayah minum arak juga hanya dilaksanakan kepada Muslim sahaja.

Mazhab Maliki pula berpandangan yang bukan Muslim perlu dijatuhkan hukuman hudud apabila membabitkan jenayah qazaf, mencuri dan membunuh (qisas). Jenayah zina pula dijatuhkan hukuman selain hudud (seperti takzir) bagi tujuan mendidik, kecuali membabitkan kes merogol wanita Muslim. Tiada hukuman hudud dikenakan bagi peminum arak.

Mazhab Shafie menyatakan hukuman hudud dikenakan ke atas bukan Muslim bagi jenayah zina, qazaf dan mencuri, tetapi tidak dikenakan ke atas peminum arak. Sementara bagi bukan Muslim berstatus al-musta'min, mereka dikesualikan daripada hukuman jenayah zina.

Mazhab Hanbali pula menyatakan hukuman ke atas penjenayah bukan Muslim perlu diadili berda-

sarkan kepada agama dan kepercayaan penjenayah berkenaan. Sebagai contoh, sekiranya agama seseorang penjenayah tidak melarang zina, maka tidak dijatuhkan hukuman hudud zina ke atasnya. Sebaliknya, sekiranya agama penjenayah melarang zina, maka hukuman hudud zina perlu dikenakan ke atasnya. Ini berdasarkan kepada hadis Ibnu Umar yang bermaksud, "Sesungguhnya Nabi Muhammad menjatuhkan hukuman hudud ke atas dua orang Yahudi yang berzina" (agama Yahudi melarang zina, lalu dikenakan hukuman hudud zina).

Sekiranya dilihat dari aspek ini saja, terdapat beberapa persoalan yang perlu dirungki oleh sarjana. Antaranya, ialah kebanyakan pengamalan undang-undang Islam, meliputi hudud, qisas dan takzir dilaksanakan secara total atau separa total, sejak daripada zaman Nabi Muhammad, tetapi terhenti dengan berakhirnya Khilafah Uthmaniyah.

Bahkan ketika zaman Sultan Sulaiman al-Qanuni, baginda melihat keperluan untuk mewujudkan beberapa enakmen jenayah khas untuk rakyat bukan Muslim di bawah Kerajaan Uthmaniyah. Masyarakat bukan Muslim termasuk di Barat mengiktiraf peranan baginda sehingga digelar *The Magnificent* dalam literasi sarjana Barat kerana sumbangan daripada pembangunan teks undang-undang moden yang harmoni tanpa berkompromi dengan syarak dan sentimen warga bukan Muslim.

Pelaksanaan bersifat setempat

Selepas jatuhnya Kerajaan Uthmaniyah, perkembangan pelaksanaan undang-undang syariah tidak berlaku dalam kerangka perkembangan negara moden, melainkan pelaksanaan yang bersifat setempat di beberapa daerah dan negara, yang kebetulan majoriti signifikan adalah Muslim. Justeru, perkembangan terencana itu menyebabkan tiadanya eksperimen menyeluruh, membatik negara multiras moden.

Cabaran lain ialah memahami semua jargon dalam teks fiqh klasik, dalam konteks moden. Sebagai contoh, pengkategorian bukan Muslim antara 'dhimmiy', 'musta'min', 'mu'ahid' dan 'harbi'. Tinjauan semula terhadap kategori ini perlu diperjelaskan supaya pelaksanaan undang-undang syariah dapat dijalankan dengan sebaik mungkin.

Sarjana moden seperti al-Zuhaili (Fiqh al-Islam wa Adillatuhu, 6/432) dengan jelas menyatakan bahawa persoalan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam pada zaman moden adalah satu cabaran yang agak besar, kerana membabitkan proses 'taqin', atau menulis teks undang-undang yang disebut dengan laras bahasa tradisional di dalam al-Quran dan hadis ke dalam bahasa perundangan moden. Justeru, beliau cenderung menyatakan tiada negara moden yang menjadi contoh terbaik dan kayu aras ke atas pelaksanaan undang-undang tersebut, kerana ianya bersifat lokal. Kaedah pelaksanaannya banyak bergantung kepada faktor demografi negara berkenaan, seperti latar belakang ekonomi, campur tangan kuasa asing, kekuatan politik pemimpin tempatan melaksanakan Islam, pengaruh bukan Muslim dan seumpamanya. Tuntas, realiti setiap negara Islam pada zaman sekarang adalah berbeza.

Tuntas, ada banyak perdebatan mengenai pelaksanaan undang-undang syariah di negara moden. Kebanyakannya bersifat akademik, justeru perlu dibuka ruang seluas-luasnya untuk perdebatan secara terbuka dalam kalangan sarjana, ahli politik, pihak berkuasa dan mahkamah. Cuma pastinya, sikap Muslim yang sebenar ialah mereka perlu wajib percaya akan keperluan dan keindahan pelaksanaan undang-undang syariah tersebut di negara masing-masing, serta mengelak diri daripada memberikan kritikan yang bersifat menghina undang-undang langit ini. Selain itu, pemikiran simplistik juga perlu dielakkan ketika bersemangat melaksanakan undang-undang ini, sebaliknya perlu bersifat analitik supaya pelaksanaannya tidak semata-mata berlandaskan tekstual, tanpa mengabaikan kontekstual semasa.

Penulis ialah Pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP)



AHMAD IRFAN IKMAL HISHAM

irfan@ump.edu.my